

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Friday, September 13, 2019 2:25 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Dan Kerajaan Negeri Jayakan Matlamat Pembangunan Lestari



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 SEPTEMBER 2019 / 13 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM DAN KERAJAAN NEGERI JAYAKAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI



UUM ONLINE: UUM sentiasa bersedia menyumbang buah fikiran, ilmu dan kepakaran dalam merencanakan pembangunan negeri Kedah secara efektif termasuk menjayakan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam, Sains dan Teknologi, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar negeri, Simon Ooi Tze Min berkata, UUM banyak

membantu kerajaan negeri sebagai *think-thank* untuk mendapat cadangan, pandangan dan input.

“Tak banyak saya nak cakap tapi, banyak yang saya nak dengar dari pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing dan terima kasih kepada penganjur Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPDM) yang mengadakan sesi ini.

“Inisiatif penganjuran ini menandakan komitmen kita semua dalam usaha mengorak langkah untuk melaksanakan agenda sasaran pembangunan lestari demi mengurangkan kesan negatif aktiviti manusia ke atas alam sekitar,” ucapnyanya dalam Sesi Dialog Bertajuk Menghayati Hala Tuju Kerajaan Negeri Kedah Dalam Merealisasikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030.

Beliau berkongsi usaha yang dijalankan Kerajaan Negeri dalam mencapai SDG 2030 misalnya melaksanakan ‘Agenda Hijau Negeri Kedah’ bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan teknologi hijau dan amalan lestari dalam usaha untuk memacu landskap sosio-ekonomi negeri Kedah.

“Kedah telah menarik banyak syarikat teknologi hijau yang terdiri daripada pengeluar solar dan ladang solar.

“Dalam pelan pembangunan Kedah bagi tahun 2035 jelas gariskan bahawa wawasan pembangunan Negeri Kedah menitikberatkan kelestarian alam sekitar, bagi mencapai negeri berstatus ‘negeri mampan’,” ujarnya di Bilik Mesyuarat IPDM, Kompleks Konvensyen, UUM.

Tambahnya salah satu daripada objektif strategik adalah untuk mengekalkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang seimbang dalam merencanakan pembangunan negeri dengan mewartakan Ulu Muda sebagai Taman Negeri pada tahun 2020.

Sejajar dengan pelancaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kerajaan Negeri Kedah menunjukkan komitmen jitu dalam memelihara khazanah warisan alam dan budaya setempat, dengan usaha mendapatkan pengiktirafan status Geopark.

Usaha menjadikan Langkawi UNESCO Global Geopark dan Gunung Jerai sebagai Geopark Kebangsaan melindungi khazanah alam sekitar, tamadun sejarah serta memiliki ciri-ciri geologi yang unik sekali gus meningkatkan kegiatan ekonomi penduduk melalui aktiviti pelancongan

Sementara itu, Pengarah IPDM, Prof. Dr. Zakaria Abas mengalu-alukan para dekan dan tetamu untuk berbincang, memberi dan mendapat pandangan melalui sumbang saran ini.

“UUM akan menyumbang bersama-sama dengan memanfaatkan kepakaran yang ada dalam pembangunan negeri Kedah dan IPDM menjadi pemudahcara untuk menjalankan pelbagai aktiviti.

“Untuk itu, para pensyarah akan berbengkel dalam menghasilkan *blueprint* untuk *living campus*,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.